




**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 8 JULAI 2022**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti dibawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	KETETAPAN TAKLIMAT
SH/SUKNS/ BIL.17/2022	Perkhidmatan Pembangunan Sistem Perumahan Negeri Sembilan Versi 2.0 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	210104	RM 50.00 setiap satu borang	Tarikh: 12 Julai 2022 (Selasa) Masa: 10.00 pagi Tempat: Dewan Theatrette, Wisma Negeri

1. Dokumen Sebut Harga boleh didapati pada waktu pejabat mulai **12 Julai 2022 (Selasa) (selepas sesi taklimat)** hingga **21 Julai 2022 (Khamis)** pada waktu pejabat (**jam 9.00 pagi – 4.00 petang**) di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.
2. Dokumen sebut harga boleh dibeli secara tunai dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan.
3. Pihak syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli Dokumen Sebut Harga.
4. Taklimat perlu dihadiri oleh maksimum **dua (2) orang wakil** sahaja. Salah seorang wakil yang hadir mesti merupakan nama yang tertera di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat. **Kehadiran taklimat ini adalah diwajibkan** dan hanya Penyebut Harga yang menyertai taklimat sahaja boleh mengambil bahagian dalam Sebut Harga ini. Sila bawa cap syarikat untuk pengesahan kehadiran.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah disusun dengan teratur dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta pada sampul surat dicatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 21 Julai 2022 (Khamis)**. Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.